

MEDAN BAHASA

Penggunaan “Ragaman Bahasa’ dalam Persuratan dan Pertuturan

Umum diketahui, bahawa bahasa Melayu mempunyai cabang-cabang yang tertentu dan ikatan-ikatan yang khas di dalam menuturkan tiap-tiap rangkai kata, buat menguatkan atau pun menerangkan lagi maksud atau pun tujuan-tujuan cakupannya, supaya lebih jelas boleh faham didengar atau diterima oleh yang dikehendaki. Untuk ini maka dipergunakan dengan bermacam-macam cara, seperti pantun, seloka, syair, dan juga dengan jenis bahasa kias, bidalan, pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa dan sebagainya, selain dari itu digunakan “ragaman bahasa”. Dengan ragaman bahasa yang membawa erti atau maksud tepat kepada tujuan percakapan itu, akan lebih lekaskan kepada siapa juga bagi pihak pendengar atau pembaca mendapat faham. Pendek kata tidak bijak seseorang itu bertutur kata, sekiranya tidak disertai dengan ragaman-ragaman bahasa yang terkhas bagi merupakan kekayaan bahasa di dalam karangan atau percakapan kerana menguatkan tujuan kata atau kefasihannya.

(Oleh: Yusuf Yunus Perak)

Ragaman-ragaman bahasa ini terbahagi kepada beberapa bahagian atau pecahan-pecahan yang tertentu dengan mempunyai maksud yang masing-masing berlainan. Yakni tidak boleh dicampur adukkan buat pembahagiannya, seperti:

Bahasa sindiran:

Bahasa yang dicakapkan sesuatu tujuan kata yang dimaksudkan kepada seseorang lain dengan tiada dikatakan atau pun disebutkan terus terang kepadanya. Hanya dengan jalan disinggung-singgung atau dikias-kiaskan kepada perkara-perkara

lain. Dengan kias atau arahan itu diharap kepada yang mengenai akan mengerti tujuannya. Dan bahasa ini lebih mendalam maknanya daripada perkataan yang diperkatakan dengan terus terang, misalnya:

Jikalau kita hendak mengatakan kepada seseorang yang berperangai panjang tangan, yang ada bersama-sama di dalam majlis itu, takut-takut satu-satu hal nanti, hanya boleh disindirkan begini:

“Setengah orang-orang kita, manakala nampak peluang ia terus mengambil barang itu, ia tak kira siapa pun.”

Dengan cara ini ia yang dimaksudkan tidaklah sangat-sangat tercampur kepada hadirin, melainkan siapa yang makan cili merasa pedas.

Bahasa menggiat:

Selain bahasa sindiran, untuk mengata atau menegur kepada seseorang lain, maka digunakan pula bahasa menggiat, yang bersifat seakan-akan bahasa sindiran juga. Maksudnya mengusik seorang lain dengan tujuan bersenda-senda gurau, dan terkadang pula apa yang dikatakannya itu adalah betul dan tepat. Sehingga boleh mengeluarkan perasaan malu tau menimbulkan segan kepada orang yang kena giat itu. Seperti kalau hendak mengata kepada seorang teman yang hendak memimpin parti politik, lalu digiatnya:

“Ada hati juga rupanya teman kita ni nak jadi penganjur!”

Bahasa mengejek:

Iaitu bahasa yang diperkatakan buat mengata kepada seorang lain dengan bahasa yang cukup tepat atau perkataan-perkataan yang tegas. Tetapi di dalam cara bergurau-gurau atau berjenaka. Diajukkan segala keburukan atau kebodohnya. Bertujuan supaya ditertawakan orang akan dia. Atau dengan satu kata lain yang selalu diperkatakan ialah “perli” oleh sebab menunjukkan keburukan atau kebodohnya, maka sangat cepat pula orang yang terkena ejek itu timbul perasaan marah, ingin bertindak, kerana memang semua mentertawakan dia.

Bahasa ini dibuat kadang-kadang dengan bahasa sindiran, kadang-kadang giat dan kadang-kadang ada juga dibuat dengan bahasa terbalik:

Lihatlah oleh tuan-tuan, siapakah yang menjual bangsa Melayu kepada bangsa-bangsa asing? Fikirkanlah baik-baik, itukah yang dikatakan kasihkan bangsa, negara dan agama?”

Diejek kepada seseorang penganjur oleh seseorang yang memusuhinya.

Atau: “Manakala timbul bulan Ramadan, banyaklah lebai-lebai, haji-haji baharu dengan ketayap putihnya serta bertasbih berjalan menuju ke surau atau masjid. Menunjukkan dia sudah alim konon.”

Dikatakan kepada seseorang yang mengubah perangai dengan serta merta sahaja, manakala sampai bulan Ramadan, kerana mengharapkan kalau-kalau dilantik orang menjadi amil nanti.

Bahasa terbalik:

Menurut erti terbalik, maka kita sudah berfaham, bahawa segala apa yang dikatakannya itu adalah ‘aks nya, atau pun kulitnya, tetapi yang sebenarnya ialah lawan perkataan yang diperkatakannya itu maksudnya – seperti misal-misal:

Jikalau seorang guru marahkan kepada muridnya kerana selalu lewat datang sekolah, ataupun seseorang ketua pejabat marahkan orang-orang pejabatnya kerana datang bekerja, maka dikiaskannya dengan perkataan:

“Pagi ini cepat benar awak datang, beginilah baharu dikatakan orang yang rajin.” Maksudnya yang sebenar ialah kerana mengatakan bahawa ia datang itu lambat dan itulah orang yang malas.

Bahasa merajuk:

Bahasa merajuk ini menunjukkan ataupun melahirkan perasaan menarik diri. Bahasa ini ada membawa imbas-imbas bahasa terbalik, tetapi maksudnya tiada pula dikehendaki terbalik, apa yang dikatakannya itu. Maka itulah perasaan hatinya. Ada juga kerana kecil-kecil hati, akibat penghinaan yang dilemparkan kepadanya tiada berpatutan:

“Kita ni umpama melukut di tepi gantang, kalau masuk tak menambah dan keluar tak mengurangkan.”

Bahasa tempelak:

Iaitu cara memulangkan paku buah keras terhadap seseorang lain. Menunjukkan kesalahan orang itu kemudian daripada ataupun sesudah dilakukannya. Supaya ia sedarkan nasihat-nasihat yang pernah diberi olehnya dahulu pada masa sebelum pekerjaan itu di mula atau berkesudahan dan sementara itu mengingatkan pula kepada masa-masa yang ke hadapan. Misalnya:

“Dahulu aku sudah katakan kepada engkau jangan buat begitu, nah! Sekarang apa macam?” Ini dikatakan setelah ia memberi nasihat berkali-kali kepadanya supaya jangan melanggar nasihatnya itu. Tetapi oleh kerana degil dan keras hati orang yang dinasihatkannya itu terus membuat dan menurut kemahuan hatinya sahaja - lalu berakibat “binasa”. Maka segala kata-kata nasihat itu tadilah yang dipulangkan oleh orang yang cuba menasihatinya dahulu.

Bahasa herdik:

Bahasa untuk melahirkan perasaan marah ketika itu juga. Menunjukkan kesalahan pada masa berlakunya. Dan perkataan-perkataan yang dikeluarkan adalah dengan bunyi kuat, bengis dan kasar. Di dalam pada itu pun ada juga

sedikit mengandungi bahasa mengejek, giat - supaya menimbulkan kemarahan pada orang yang ditujukan. Bahasa herdik ini adalah lawan dari bahasa tempelak - yakni sebaliknya. Kadarkan berlainan pada tempat-tempat tentang pemakaiannya sahaja.

Bahasa besar:

Kalau mencakapkan atau pun menceritakan satu-satu perkara dengan berlebih-lebih daripada apa yang sebenarnya, tetapi perkataan yang diceritakannya itu bolehlah difahamkan bahawa bukan sebenarnya demikian. Malahan sengaja diperbesar-besarkan sahaja - sebab itu ragam ini disebut “bahasa besar” dan orang yang suka mengamalkan ragam bahasa ini di dalam tiap-tiap perbualan hari-hari, digelarkan dia kaki temberang. kerana pandai menokok tambah kepada satu-satu perkara dengan diperada-ada dan di perbesar-besarkan beritanya, hingga kadang-kadang tiada terupa pada akal.

Kebanyakan bahasa besar ini terjumpa di dalam buku-buku cerita lama, kerana khayalan pengarangnya menceritakan cerita tahyul itu ataupun di dalam buku-buku cerita ibarat kias ibarat seperti yang selalu kita jumpai:

“Terlebih tegas daripada burung rajawali dan terlebih gagah daripada singa pertapaan.”

“Ia bertempik seperti halilintar akan membelah bumi lakunya.”

“Semut melompat bergoncang bumi,

agas menghirup kering lautan”

Dan di dalam cerita-cerita ibarat kiasan ibarat banyak tersebut perkara-perkara yang diperbesar-besarkan supaya menambah memberi bekas kepada pembacanya tujuan asal pengarangnya:

“Buluh perindu itu pun menyanyi terlalu merdu bunyinya, burung terbang berhenti mendengar bunyinya, angin berhenti daripada bertiup, segala mergastua pun hairan mendengar dia”

Di dalam buku cerita Malim Deman ada menyebutkan bagaimana bisanya keris Sempena Ganja Iras. Hingga diperbesarkan bahasanya dengan digurindamkan:

“Sebulan dagang mengkalis,
Jejak ditikam mati juga.
Setitik darah ke daratan,
Setahun padi tak jadi.
Setitik darah ke lautan,
Setahun ikan tak main.

Maka berlawanan dengan bahasa besar ini ialah bahasa kecil, iaitu ragam bahasa yang menunjukkan atau menceritakan satu-satu hal dengan berkecilan-berkecilan dengan bertujuan merendahkan diri tidak mahu diagung-agungkan, walaupun perkara yang diceritakan itu sebenarnya agung. Ataupun sememangnya kecil.

“Jemputlah naik ke pondok saya yang buruk lagi tiada sepertinya ni!”

Dan pernah juga dipantunkan, seperti di dalam Hikayat Raja Indera Mengendera:

“Kain bersuci di atas atap,
Baharu dikelim lalu dipakai,
Jikalau sudi tuanku santap,
Sirihnya kering pinangnya koti

Bahasa naik:

Oleh kerana hati seseorang manusia ini payah hendak ditarik sekaligus atau dengan serta merta

kepada perasaan yang keras, maka terpaksa dibawa perasaan mereka itu dengan cara atau jalan naik selangkah demi selangkah, atau dengan kata setangga kepada setangga yang lain. Hingga kesudahannya dapat difaham akan tujuannya yang berlainan itu. Iaitulah ragaman yang menguatkan kata-kata dari dataran yang kendur atau lemah kepada dataran hati, perasaan yang semakin terik, tegang dan sampai ke kemuncak akhirnya.

“Delapan bulan yang lalu suaminya lari, dua bulan yang lalu anak satu-satunya yang disayanginya meninggal, sebulan yang lalu telah habis peninggalan suaminya. Sebuah almari, sebuah cermin, enam buah piring dan sisanya diserahkan pada iparnya, berapa batang senduk, sebuah pisau, sebuah tumbukan padi beserta alunya”

Disini jelas sekali bagaimana yang terlemah digambarkan oleh pengarangnya, kerana hendak menceritakan penanggungan seseorang dengan jalan tulis. Pada akhirnya kita dapat mengagak dan menanggapi akan peri kesusahan - dari kata-kata yang bermulakan susah kemudian datang lagi kesusahan dan tiba pula lagi satu kesusahan.

Dan pada misal-misal:

“Masa getah berharga seringgit sekati dulu kita semua suka dan senang, sekarang getah tinggal 80 sen sekati lapang juga, kalau turun ke angka 50 sen sekati sempitlah kita. Kalau 30 sen susah benar kita, tetapi kalau 10 sen atau 15 sen sahaja sekati tentulah kita mati kebuluran.”

Berlawanan dengan bahasa naik ini disebut bahasa turun. Iaitu menggambarkan pula dari dataran perasaan hati yang keras atau tegang turun selangkah demi selangkah kepada perasaan yang lembut, atau kendur. Bahasa turun

ini biasanya berisi perasaan yang menggelikan hati-
yakni berjenaka, baik dengan cara bersahaja atau pun
Dengan tidak sengaja.

Pertanyaan ingkar:

Iaitu ragam tanya. Bermaksud bertanya kepada satu-satu
hal. Tetapi bukannya barang atau perkara yang ditanyai itu
ia tidak tahu. Malahan ia lebih-lebih lagi mengetahui akan
jawabannya. Kadarkan seolah-olah mengejek kerana hendak
menguatkan kebenarannya. Pertanyaan itu terbahagi kepada dua
bahagian.

Pertama: Pertanyaan yang ditinggalkan begitu sahaja
kepada para pembaca atau pendengarnya untuk mencari jawapan
sama ada ia atau pun tidaknya. Tetapi hasil jawapan
itu lebih kuat daripada apa yang dikatakan dengan jawapan yang
lurus atau berterus terang seperti:

“Beginikah yang dikatakan kemakmuran? Bukankah
kemakmuran itu ertinya kemewahan kepada rakyat?” Dan
lain-lain misalan yang seumpamanya dikatakan pertanyaan ingkar yang
tiada berjawab.

Yang kedua ingkar jenis ini, akan dijawab
orang yang bertanya itu sendiri. Yakni tidak dibiarkan
dijawab oleh pembaca atau pendengar. Tujuannya sama
seperti jenis pertama juga. Iaitu untuk menguatkan
satu-satu keputusan fikiran atau hendak menarik perhatian
kepada tujuan percakapannya atau tulisannya. Misalunya:

“Bolehkah kita mencapai kejayaan atau kemajuan
dengan berpeluk tubuh? Tidak! Tidak!! Kejayaan tidak
akan tercapai sekiranya kita berdiam diri, berpeluk
tubuh sahaja. Tetapi kejayaan dan kemajuan akan
tercipta manakala kita lebih tegas lagi berusaha”.

“Apakah jalan yang boleh menolong kita daripada
tindakan kekejaman? Tidak lain lagi, kita mesti
bersatu padu dari sekarang, bak kata pepatah: Bersatu
teguh bercerai roboh.”

Bahasa seruan atau mengeluh:

Iaitu suatu kaedah mengeluarkan perasaan hati,
seperti hiba, doa, harapan, marah, kasihan, terkejut
dan lain-lain perasaan lagi. Orang yang mengeluarkan
perkataannya itu menurut keadaan rasa hatinya. Menerusi
rentak suara jikalau bercakap dan menurut rentak atau
senjuh ayat manakala menuliskan. Dengan jalan itu para
pembaca atau penulis serta pendengar dapat mengetahui hati
kecilnya.

“Allah tak dapat nak diceritakan susahnyanya.

“Kasihannya dia tak ada ibu bapa.

“Hai nasib! Badan sakit, wang tiada, saudara
mara pun tak suka.

“Amboi cantiknya gadis itu!

“Ya Allah! Selamatkanlah dia!”

Ragam bahasa seruan atau mengeluh ini boleh
juga dikira setengahnya termasuk kepada ragam rajuk.
Ragam herdik iaitu ketika melahirkan perasaan marah
dan ragam mengejek. Kesemuanya itu terpulunglah kepada
bunyi rentak suara menuturkan itu senjuh-senjuh ayat
menuliskan.

Bahasa berulang:

Bahasa berulang ini hanya cuma mengulang sesuatu
perkataan berkali-kali. Ataupun ayat dan cabang-cabangnya.
Tujuannya hendak menguatkan lagi maksud perkataan
atau ayat-ayat yang mana tempat yang diulangnyanya itu. Seperti:

Tengah malam ini! Tengah malam ini!!

Jangan lupa! Jangan lupa!

Ataupun:

Wang! Wang!! Ya wang!!

Semua orang berkehendakkan wang, dengan wang manusia boleh membeli pangkat, dengan wang manusia boleh melakukan pekerjaan-pekerjaan yang disukainya. Dengan wanglah segala impian terlaksana. Pendek kata dengan wang manusia boleh mencapai segala kesenangan dunia.

Bahasa berulang ini kurang elok digunakan dengan banyak di dalam masa mengarang. Kerana boleh mencacatkan senjauh atau rentak karangan. Bolehlah dihitung satu daripada kecacatan-kecacatan karangan. Tetapi boleh digunakan sedikit-sedikit pada tempat-tempat yang munasabah. Di dalam bahasa pertuturan atau percakapan tidak menjadi kesalahan, malahan menambahkan kebagusan pula.

Bahasa bertimbal:

Iaitu ragam bahasa yang mengeluarkan dua pendapat dan dua cabang fikiran yang pendek-pendek disusunkan berdekatan. Isinya berlawanan ataupun bertentangan faham di antara keratannya. Pertimbangan seperti ini cukup menarik perhatian untuk membuat perbandingan-perbandingan supaya menyegerakan boleh faham kepada faham pembaca atau pun pendengar.

Ragam bertimbal ini kerap sudah terbeku langsung dengan kata-kata dan ikatan yang khas, yang tersusun pendek-pendek dari perbandingan dan kenyataan yang didapati buktinya benar. Lalu disimpulkan kepada ikatan ayat yang tetap, dengan sebab itu kebanyakan penubuhnya dari simpulan bahasa dan peribahasa. Seperti misal-misal:

“Angguk bukan geleng ia.

Kendur berdenting-denting tegang berjela-jela.

Terenang-terenang tak hanyut, terapung-terapung tak timbul.

Dekat tak tercapai, jauh tak berantara.

Alah jadi abu, menang jadi arang.

Dan ada juga penubuhnya dipanjangkan lagi seperti

“Pandai mencuri merasa mendapat,

Tak pandai mencuri merasa terikat”.

“Sehari berbini sehari berubah fikiran,

Sehari beranak sehari tua.”

“Tak tahukan jahat orang tanyakan kepada seterunya,

Tak tahukan baik orang tanyakan kepada sahabatnya”

Bahasa bertimbal yang bukan kejadiannya daripada

simpulan bahasa atau pun peribahasa, banyak juga

boleh kita dapati di dalam majalah-majalah, buku-buku dan akhbar-akhbar,

serta percakapan bualan kerana boleh dikarang dan

diciptakan dengan sendiri.

Bahasa bukan:

Didahulukan dengan perkataan “bukan” atau tidak,

tetapi tujuannya ayat atau perkataan itu “ia”. Tidak

terus mengikut makna bukan itu. Maksudnya supaya

kuat lagi perkara yang dibukukannya itu.

“Bukan aku bodoh”

Ertinya dia sebenarnya bukan bodoh. Tetapi

disebaliknya ia adalah cerdik.

Atau:

“Bukan mudah membuatnya”

Yakni tersangat susah pekerjaan membuatnya.

Bahasa jenaka:

Bahasa jenaka ini tidaklah bertujuan kerana menguatkan tujuan ataupun maksud kata. Hanya satu jenis ikatan ayat yang boleh dipakai kepada dua makna. Sebab maksud berjenaka atau cuma bersenda gurau. Sungguhpun demikian kadang-kadang ada juga membawa maksud benar dan bersungguh-sungguh. Bahasa ini terbahagi kepada dua bahagian.

Pertama: Satu tempat dua makna;

“Makan hati berulam jantung”

Pada perkataan hati dan jantung itu boleh difahamkan kepada hati kerbau atau lembu. Dan jantung itu kepada jantung pisang atau kerbau - Dan boleh juga dimaknakan kepada hati dan jantung tempat fikiran atau pun perasaan diri sendiri.

“Lu gua, mak lu bini gua”

Tentang perkataan “lu gua, mak lu bini gua” itu boleh difahamkan emak kamu itu ialah bini gua, dan boleh juga difahamkan emak kamu dan bini aku. Serta beberapa banyak misalan-misalan yang boleh menggelikan hati. Setengahnya boleh dijumpai di dalam kata-kata teka-teki dan masalah budak-budak.

Kedua: Seperti yang terjumpa di dalam cerita “*Buluh Apa Yang Masyhur Ceritanya*” bagaimana kedua adik beradik boleh bertikam dengan sebab perkataan apa, kerana pertanyaan adiknya;

“Buluh apa ini abang?”

Jawab abangnya,

“Buluh apa!”

Disini dapat dua makna. Iaitu perkataan apa yang mula-mula maksud ayat pertanyaan dan apa yang kedua ini ialah “apa” nama buluh itu. Tetapi oleh sebab kekeliruan faham, maka mendatangkan pula kemarahan kepada adiknya - lalu ditikamnya abangnya.

Demikian juga seperti misal-misal:

“Berat tulang ringan perut,

Ringan tulang berat perut.”

Dan:

Tuan tolak saya * saya tolak tuan

Lekat tangan saya * sedap hati tuan.

Demikianlah serba sedikit tentang ragam bahasa yang dipergunakan oleh orang-orang Melayu di dalam bertutur kata dan persuratan.

- Punca pengambilan: “*Ilmu Mengarang Melayu*”.

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

Muhammad

sallā Allahu 'alāhi wa sallam

Sejarah ringkas

Disusun oleh 'Idrus. Sejarah

Ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan pena dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

pos 10 sen